



11 APR, 2026

Hafizuddin tak rela pemain TNB bolosi gawang

Harian Metro, Malaysia



Oleh Malik Muhamad
sukan@hmetro.com.my

Kuala Terengganu: Penjaga gol utama Pasukan Hoki Terengganu (THT), Hafizuddin Othman tekad mempertahankan pintu golnya daripada dibolosi pemain TNB ThunderStars pada aksi merebut Piala Sumbangsih petang ini.

Beraksi di tempat sendiri di Stadium Hoki Majlis Bandaraya Kuala Tereng-

Hafizuddin tak rela pemain TNB bolosi gawang

ganu (MBKT), Hafizuddin yang juga penjaga gol nombor satu kebangsaan tidak rela trofi itu terlepas di tangan musuh tradisi itu.

Musim lalu, penjaga gol kelahiran Terengganu berusia 34 tahun itu berjaya membantu THT menjulang kejuaraan 'treble' selepas berjaya merangkul trofi

Sumbangsih, Piala Liga dan Piala TNB dengan semuanya menewaskan lawan sama, TNB.

"Kami tahu pasukan lawan mempunyai ramai pemain kebangsaan, jadi apa yang saya harapkan daripada rakan sepasukan perlu gandakan lagi usaha dalam misi untuk mempertahankan keju-

araan itu.

"Pada masa sama saya lihat kami juga mempunyai kelebihan iaitu beraksi di tempat sendiri, jadi sedikit sebanyak bakal meningkatkan lagi moral serta motivasi kami beraksi di depan penyokong setia.

"Secara peribadi saya juga tekad berusaha sehabis

baik untuk elak pintu gol daripada dibolosi pemain lawan dan pada masa sama rakan sepasukan berikrar untuk bermain bermati-matian dalam perlawanan penentuan piala itu," kata Hafizuddin ketika ditemui.

Selain pemain adik-beradik, Mohd Fitri Saari dan abangnya Faizal, skuad

kendalian Mohd Harfizi Baharom itu turut diperkuatkan tiga pemain import iaitu bekas kapten Afrika Selatan, Keenan Horne, Samkelo Mvimbi dan Dilraj Singh.

Skuad The Turtles itu juga diperkuatkan bekas kapten kebangsaan, Sukri Muttalib, Firhan Ashari, Firdaus Omar, Arif Syafie Is-hak, Muhammad Adib Suffian Mat Ruslee dan Mughni Mohamad Kamal.